

05 AUG 2003

Vladimir-Mahathir/I

DR M BANYAK MENYUMBANG BAGI HUBUNGAN M'SIA-RUSIA, KATA VLADIMIR

PUTRAJAYA, 5 Ogos (Bernama) -- Presiden Rusia Vladimir Putin hari ini berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membuat sumbangan besar dalam mempertingkatkan hubungan dua hala dan mengekalkan hubungan baik di peringkat antarabangsa.

"Perdana Menteri (Dr Mahathir) telah membuat sumbangan besar di peringkat antarabangsa. Sejak 20 tahun Perdana Menteri memimpin, beliau telah menyumbangkan banyak dalam menggalakkan hubungan dua hala dan mengekalkan hubungan baik," katanya.

Oleh kerana Dr Mahathir, Malaysia telah sampai ke zaman moden, kata Putin dalam ucapannya semasa mengurniakan anugerah "Orden Drusby" (Darjah Setiakawan), anugerah tertinggi negara Rusia kepada Dr Mahathir, di Pejabat Perdana Menteri di sini.

"Hari ini, saya mendapat penghormatan untuk mengurniakan Perdana Menteri anugerah tertinggi negara di Rusia sebagai mengiktiraf usaha Perdana Menteri dalam memperkukuhkan hubungan dua hala yang mesra antara kedua-dua negara."

"Saya menganugerahkan anda anugerah ini dan mendoakan bagi anda dan seluruh Malaysia, kemakmuran dan kesejahteraan," kata Putin.

Putin berkata, pengurniaan anugerah itu juga menunjukkan tanda hormat kerajaan Rusia bagi Dr Mahathir yang lantang dalam memperjuangkan pengagihan manfaat bagi ketamadunan dunia.

Sementara itu apabila ditanya mengenai anugerah yang dikurniakan itu, Dr Mahathir berkata: "Saya menganggap anugerah ini satu penghormatan besar bukan sahaja bagi saya, tetapi bagi Malaysia juga."

Perdana Menteri berkata sejak kebelakangan ini, hubungan antara Rusia dan Malaysia telah dipertingkatkan dan kedua-dua negara kini menikmati hubungan yang lebih mesra sekarang ini.

"Bagi Malaysia, kita mahu bermesra dengan semua negara tidak kira ideologi dan dasar negara-negara itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, pada satu masa dahulu Malaysia tidak dapat bersetuju dengan apa sahaja yang dilakukan Rusia kerana dasar Rusia itu bercanggah dengan dasar Malaysia.

"Kami juga mengharapkan Rusia memainkan peranan lebih besar dalam memastikan Rusia tidak lagi digeruni oleh negara-negara kecil," katanya.

Beliau juga berkata bahawa Rusia juga percaya dalam dunia 'multi-polar' seperti Malaysia juga.

Mengenai lawatan Putin, Dr Mahathir berkata ia sesuatu yang bersejarah kerana sebelum ini belum pernah ada mana-mana pemimpin Rusia yang melawat Malaysia.

"Ia juga menandakan satu langkah penting ke arah kerjasama yang lebih bermakna," kata Dr Mahathir.

Selepas lawatan itu beliau percaya, hubungan antara kedua-dua negara akan bertambah baik dan juga interaksi ekonomi yang akan menguntungkan kedua-dua negara.

"Saya menghargai anugerah ini kerana ia menandakan hubungan dan persahabatan yang akan berkembang antara Malaysia dan Rusia," katanya.

-- BERNAMA

RIZ PR